

senada

ISSN 0127-1741 • Edisi Ke-2 | Apr-Jun 2017

Bil. • 403

www.ukm.my

239[®]



- 04** UKM dalam Kalangan Universiti 1% Terbaik di Dunia
- 09** Kongres Budaya 2017 Ketengah Hak Kepentingan Bahasa Melayu
- 10** Penyelidikan Rawatan Sisa Kumbahan Kelapa Sawit di UKM Paling Komprehensif

ISI KANDUNGAN

Sidang Editor	02	Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UKM	
Mutiara Kata Naib Canselor	03	Aktiviti Kokurikulum Jadi Nilai Tambah Graduan Peroleh Pekerjaan	14
Pencapaian Cemerlang		Syaranan Umum	
UKM dalam Kalangan Universiti 1% Terbaik Dunia	04	Universiti Perlu Cari Sumber Pendapatan Sendiri	15
Pelajar INBIOSIS Raih Tempat Pertama <i>Three Minutes Thesis UKM Competiton</i>	05	Jaringan Strategik	
PERMATApintar Menang Dua Pingat Emas di ITEX 2017	06	Wasiyyah Shoppe Berhad beri Dana Penyelidikan kepada UKM	16
Pelajar UKM Rangkul Naib Johan Tilawah Universiti ASEAN	07	Alumni Tersohor	
Kongres Budaya		Pelajar Perlu Memahami Tujuan Menuntut Ilmu di Universiti	17
Jadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan	08	Alumni Cemerlang	18
Kongres Budaya 2017 Ketengah Hak Kepentingan Bahasa Melayu	09	UKM@Komuniti	
Penyelidikan Berimpak		UKM Tubuh Anjung Santai UKM4BANGI Galak Pembudayidan Ilmu	20
Penyelidikan Rawatan Sisa Kumbahan Kelapa Sawit di UKM Paling Komprehensif	10	Golongan Wanita Disaran Untuk Membuat Perubahan	21
Syaranan Perdana Naib Canselor		UKM@Media	22
UKM Perlu Bersedia Menghadapi Cabaran Perdana	12		

Pengurusan Universiti

Naib Canselor
Prof. Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali

Timbalan-timbalan Naib Canselor
Prof. Dato' Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah
O.K. Rahmat
(Hal ehwal Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal
(Hal ehwal Pelajar & Alumni)

Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah
(Hal ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)

Pengarah Eksekutif (Pentadbiran)
Abd. Razak Hussin

Pengarah Eksekutif (Kewangan)
Khalijah Bakar

Ketua Pustakawan
Rosnah Suliman (Pemangku)

Editorial

Prof. Datin Dr. Norizan Abdul Razak • Ketua Editor
Dr. Sabariah Mohamed Salleh • Timbalan Ketua Editor
Asmahaniim Amir • Penulis
Nur Syafawati Mohd Kahar • Penolong Editor
Nastura Nasir • Penolong Editor Resonance

Pengeluaran

Mohd. Noor Ramly • Senada elektronik
Khalid Hashim • Pereka
Sharmiza Zan • Pereka
Unit Foto PKK • Fotografi
PKK • Pengedaran

SENADA elektronik boleh dicapai di:

<http://www.ukm.my/pkk/publication-category/Senada>

Sidang Pengarang SENADA amat mengalu-alukan sumbangan daripada fakulti/institut/pusat/bahagian untuk diterbitkan pada ruangan tetap, berita semasa mahupun rencana yang berkaitan dengan urusan keilmuan atau aktiviti universiti. Sila hantarkan bahan tersebut kepada:

Ketua Editor SENADA
Pusat Komunikasi Korporat (PKK)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-89215540 / 3544
Faks: 03-8921 4097
E-mel: pkk@ukm.edu.my

Mutiara Kata

NAIB CANSELOR

Tiga bulan yang lepas merupakan bulan yang sangat cemerlang buat UKM. Kita menjadi tumpuan pelbagai media atas pencapaian peningkatan tertinggi antara universiti di Malaysia dalam kedudukan Penarafan Universiti Dunia QS 2017/2018 dan telah menerima penarafan lima bintang oleh QSR.

Saya begitu bangga dan berbesar hati apabila melihat komitmen dan dedikasi yang anda semua berikan telah pun menghasilkan kejayaan yang hebat ini. Namun, kadang-kadang saya tertanya; adakah nombor atau kedudukan ini adalah segala-galanya?

Nombor sememangnya boleh meletakkan UKM di kedudukan tertentu. Tetapi sejujurnya saya percaya ia tidak mencerminkan pencapaian sebenar kita. UKM telah melibatkan diri dengan komuniti sejak awal pembukaannya menerusi metodologi pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan yang kreatif dan inovatif. Kita sentiasa menjadikannya keutamaan untuk memastikan setiap projek yang dirancang akan menyumbang kepada komuniti dan pembangunan negara.

Oleh itu, tidak dinafikan bahawa penerimaan pengiktirafan diperingkat antarabangsa untuk pelbagai pencapaian ini memberikan banyak manfaat, terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan inovasi. Tetapi, apa yang lebih penting adalah untuk mengetahui bagaimana UKM itu sendiri melibatkan diri dengan masyarakat dan menjadi Pendaulat Amanah Negara yang sebenar.

**Prof. Dato' Seri
Dr. Noor Azlan Ghazali**



PENCAPAIAN CEMERLANG



WF
KAM

UTM
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MALAYSIA

www.utm.edu.my

Universiti
Malaysia
Sains
Malaysia

U
KM

UPM
UNIVERSITI
PUTRA
MALAYSIA

AGRICULTURE
INNOVATION
LITERACY

CONGRATULATIONS TO
UNIVERSITY OF MALAYA
FOR YOUR GREAT ACHIEVEMENTS!

114

187

161

130

2019



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
TINGGI

f @moheofficial
t @MoheOfficial
i @kementerianpendidiktinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi KPT/MOHE

SIDA
20



UKM Dalam Kalangan Universiti 1% Terbaik Dunia

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 72 anak tangga dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2017/2018* pada kedudukan ke 230 dunia.

Pada penilaian 2016/2017, UKM berada pada kedudukan ke 302. Peningkatan itu meletakkan UKM kini berada dalam kategori 1% teratas universiti di dunia.

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berkata peningkatan sebanyak 72 anak tangga

itu adalah peningkatan terbaik dalam kalangan universiti di Malaysia tahun ini. KPT yakin perancangan strategik yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 serta usaha berterusan, membolehkan sasaran KPT untuk menempatkan universiti tempatan dalam penarafan 100 terbaik dunia tercapai lebih awal daripada jangkaan.

Menurut beliau, QS membuat inisiatif proses penarafan tersebut sejak 2004, daripada lebih 26,000 universiti di seluruh dunia, hanya 959 disenarai pendek oleh QS untuk penarafan dunia. Sistem penarafan menilai empat bidang utama iaitu penyelidikan, pengajaran, kebolehpasaran dan pengantarabangsaan.

Sementara itu, Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali berkata kejayaan itu membanggakan seluruh warga UKM, dalam mencapai usia 50 tahun, berada pada kedudukan ke 230 dan tergolong dalam kelompok 1% universiti di dunia.



senada

Pelajar INBIOSIS

Raih Tempat Pertama Three Minutes Thesis UKM Competition

Pelajar tahun dua Institut Biologi Sistem (INBIOSIS) UKM telah meraih tempat pertama dalam *Three minutes Thesis UKM Competition* dengan tesis penyelidikan berkaitan dengan penyakit gangguan keseimbangan hormon pada wanita. Nor Afiqah Aleng @Mohamad telah membentangkan tesis penyelidikan bertajuk *Construction of Protein Network to Understand the Pathogenesis of Polycystic Ovary Syndrome (PCOS)* iaitu mengkaji faktor PCOS yang mempengaruhi menstruasi dan menyebabkan wanita tidak dapat hamil. Beliau memberitahu bahawa kajian tersebut mempunyai sedikit perbezaan daripada kajian lain kerana kaedah menganalisa data menggunakan pendekatan bioinformatik iaitu menggunakan komputer untuk menganalisa data bagi mencari punca dan sebab PCOS terjadi dan secara tidak langsung membantu untuk mencari penyelesaian atau solusi bagi penghidap penyakit PCOS.

Dalam pertandingan itu, Ahmad Zainal Abidin telah memenangi kategori Gugusan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan tesis bertajuk *Internal Control System for Shariah Compliance in Islamic Financial Institutions*. Manakala Mohamed

M.M. Aboras yang membentangkan tesis bertajuk *Reutilisation of Remnants From Nano Zirconia Blanks For Dental Crown Applications* memenangi kategori Gugusan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina.

Menurut Pengarah Eksekutif Pusat Informasi Bioteknologi Malaysia (MABIC), Mahalethchumy Arujanan, kemahiran komunikasi adalah sangat penting untuk menarik juri dan penonton mendengar apa yang disampaikan oleh pembentang ketika pembentangan terutamanya pembentangan penyelidikan. Beliau menyatakan bahawa ia agak sukar kerana meletakkan semua info penyelidikan selama tiga tahun lebih ke dalam pembentangan tiga minit namun tidak mustahil sekiranya latihan dibuat berulang kali.

Ketiga-tiga pemenang tersebut menerima wang tunai berjumlah RM500 dan sijil penyertaan. Mereka juga mewakili UKM ke peringkat nasional yang akan diadakan di Universiti Putra Malaysia. Seramai 18 peserta yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah PhD UKM tahun dua dan ke atas membentangkan tesis pada pertandingan tersebut.





PERMATApintar Menang Dua Pingat Emas di ITEX 2017

Dua pasukan penyelidik muda Pusat PERMATApintar Negara UKM memenangi pingat emas pertandingan *World Young Inventor Exhibition (WYIE)* dalam *International Technology Exhibition 2017 (ITEX)* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Loo Qiao Ning dan Natalie Sze-Lyn Thiagarajah memenangi pingat emas melalui kajian dan inovasi bertajuk *Replacing Estradiol-17 with Organic All Plants Proteins*, manakala Ivan Te Wei Jun, Afif Farhat Ariff Ong dan Oh Juin Chuen melalui kajian *Gravitational Potential Phone Charger*.

Replacing Estradiol-17 with Organic All Plants Proteins adalah kajian berkenaan pemisahan dan pengumpulan kandungan vitamin daripada sumber protein tumbuhan untuk menggantikan Estradiol-17 bahan yang mendorong mutasi DNA dalam binatang dan manusia. Menurut Loo Qiao Ning, walaupun kajian itu memerlukan jangka masa panjang, tetapi mereka berjaya menghasilkannya dalam tempoh yang singkat dengan bantuan tenaga pengajar, rakan-rakan dan kemudahan yang kondusif di UKM. Pasukannya pernah mengalami beberapa kegagalan, namun

mereka berjaya menghasilkan penyelidikan sempurna, bernalas dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi.

Gravitational Potential Phone Charger juga memenangi pingat emas pada ITEX 2017 adalah kajian tentang penggunaan tenaga elektrik berasaskan graviti menggunakan pemberat untuk mengeluarkan tenaga kinetik. Ianya inovasi tentang penggunaan elektrik bersikap mesra alam untuk mengecas telefon pintar. Hasil penyelidikan tersebut akan diterbitkan dalam bahan akademia dan kesarjanaan yang akan digilap dan dipaten, seterusnya membawa hasil penyelidikan kepada pasaran.

Pertandingan WYIE adalah pertandingan hasil rekacipta dan hasil kajian inovatif antarabangsa melibatkan semua negara di dunia. Dalam pertandingan itu, dua lagi pasukan Pusat PERMATApintar UKM memenangi pingat Perak melalui kajian *The Potential of Acium Basilicum as a Repellent* dan *Banana Peel and Bamboo Fiber Plant-Leather*.

Pelajar UKM Rangkul Naib Johan Tilawah Universiti ASEAN



Kelunakan suara pelajar tahun satu Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Nur Farhan Fiffy Hanipah mendendangkan Surah Al-Ahzab ayat 21 dengan tajwid dan taranum yang betul telah membawa beliau mendapat tempat kedua pertandingan Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2017 kategori Tilawah al-Quran. Beliau yang mula berkecimpung dengan tilawah sejak dibangku sekolah lagi bersyukur kerana UKM telah memberinya peluang bertanding sehingga berjaya ke peringkat ASEAN. Beliau juga pernah menghadiri ujibakat Akademi Al-Quran anjuran TV9, namun rezeki tidak berpihak kepadanya. Menurutnya, latihan berkala perlu dilakukan bagi memantapkan ketujuh-tujuh lagu taranum untuk semua surah yang diberikan dan mengambil masa tiga minggu untuk memantapkan tajwid dan taranum, selain daripada penjagaan suara.

Sementara itu, seorang lagi pelajar dari fakulti yang sama, Nur Azam Mohd Shukor Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam telah dinobatkan sebagai 10 pendebat terbaik Bahasa Arab Universiti ASEAN. Nur Azam memberitahu sebagai seorang pendebat, beliau perlu peka dengan semua isu semasa termasuk ekonomi. Jadi, beliau perlu mengetahui dan mengkaji informasi umum ekonomi negara ASEAN seperti Singapura, Brunei dan negara-negara ASEAN lain.



Jadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan

Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak mencadangkan supaya Bahasa Melayu dijadikan bahasa perpaduan untuk menyatukan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia di Kongres Budaya 2017 yang diadakan baru-baru ini. Agensi yang bertanggungjawab memartabatkan Bahasa Melayu harus diberi peluang untuk memastikan penggunaan Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa utama dalam komunikasi harian.

Tambahnya, masyarakat seharusnya mengangkat martabat Bahasa Melayu ke aras yang lebih tinggi dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) harus memberi penekanan dalam menetapkan nama-nama perumahan, kompleks beli-belah dan sebagainya bagi mengelakkan dari menggunakan bahasa yang mempunyai unsur kebaratan atau pengaruh luar.

Dato' Seri Mohd Najib turut menegaskan terdapat akta dan undang-undang di Malaysia yang mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu tetapi hasilnya mengecewakan kerana tiada tindakan sewajarnya dilakukan.

Sejak kebelakangan ini, terdapat pelbagai cabaran untuk mendaulatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang selari dengan perlembagaan Malaysia. Selain itu, cabaran terkini untuk memartabatkan Bahasa Melayu adalah pengaruh media sosial seperti YouTube, Facebook dan Twitter. Media sosial tersebut meningkatkan pengaruh budaya luar yang jauh berbeza dengan budaya tempatan. Tambahan pula, penggunaan bahasa rojak semasa berkomunikasi di media sosial

telah mengakis keutuhan Bahasa Melayu.

Pengaruh budaya luar yang mempengaruhi generasi muda melalui kewujudan media baru diterapkan melalui dunia tanpa sempadan menyebabkan generasi masa kini mudah terpengaruh. Selain itu, kecanggihan teknologi secara tidak langsung menyebabkan generasi baru masa kini semakin jauh dari nilai-nilai kehidupan positif yang sepatutnya menjadi pegangan tanpa sebarang kompromi.

Dato' Seri Mohd Najib berharap segala usaha yang dilakukan oleh para cendekiawan, budayawan dan agensi bukan kerajaan (NGO) dapat disemai semula seperti yang dizahirkan oleh Kongres Budaya 2017.

Kongres Budaya 2017

Ketengah Hak Kepentingan Bahasa Melayu



UKM telah menganjurkan Kongres Budaya 2017 yang bertemakan 'Budaya Tinggi Tamadun Bangsa' bertujuan untuk menekankan peranan dan hak kepentingan Bahasa Melayu serta sumbangannya dalam mewujudkan masyarakat yang berbudaya tinggi dalam melestarikan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Paksi

Sejajar dengan tema tersebut, Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim menyarankan supaya Bahasa Melayu menjadi keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran atau dalam program-program lain. Selain itu, beliau berharap agar Ketua Jabatan Pengarah Pendidikan Malaysia menyokongnya kerana kedudukan Bahasa Melayu perlu ditegakkan sebagai bahasa induk, bahasa ilmu serta bahasa perdagangan demi menjadikan tanah air ulung apabila Bahasa Melayu diangkat martabatnya.

Resolusi tersebut mengetengahkan pandangan dan cadangan dalam menerapkan nilai budaya tinggi dalam pelaksanaan TN50 yang dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja. Antara resolusi yang dibentangkan adalah mempertahankan Perlembagaan Persekutuan serta kedudukan Majlis Raja-Raja, mengangkat sebagai Bahasa kebangsaan, agama Islam sebagai agama rasmi, pengukuhan Rukun Negara sebagai tiang seri negara bangsa serta kemajuan dan pencapaian ekonomi Bumiputera.

Tan Sri Dr. Rais Yatim telah menyerahkan resolusi kepada Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak semasa pelancaran majlis tersebut. Seramai 3,000 peserta hadir pada Kongres Budaya kali ini yang terdiri daripada jabatan kerajaan, pelajar Institusi Pengajian Tinggi, Badan Bukan Kerajaan (NGO), orang awam, para aktivis budaya, artis, karyawan dan pencinta kebudayaan.




Penyelidikan Rawatan Sisa Kumbahan Kelapa Sawit di UKM Paling Komprehensif



UKM adalah universiti pertama yang menjalankan penyelidikan rawatan sisa kumbahan kelapa sawit dari semua aspek. Walaupun banyak penyelidikan tentang sisa kumbahan telah dijalankan, namun penyelidikan yang dilakukan di Makmal Pemerangkapan Karbon di UKM ini adalah paling komprehensif kerana merangkumi pelbagai aspek seperti sisa pepejal dan rawatan kandungan air.

Menurut Pengurus Kursi Pembangunan Lestari UKM-YSD, Prof. Ir. Dr. Mohd Sobri Takriff, makmal itu menjalankan rawatan efluen sisa kelapa sawit dan pemerangkapan karbon dioksida menggunakan alga asli yang diasingkan dan ditulenkkan. Antara bidang penyelidikan yang dijalankan di makmal itu adalah pemerangkapan karbon dioksida menggunakan alga, pengasingan dan penulenan mikroalga asli bertujuan untuk meningkatkan pemerangkapan karbon dioksida dan penggunaan biojisim dari mikroalga untuk penghasilan produk berkualiti.





Mengikut statistik penghasilan sisa kumbahan, satu tan minyak kelapa sawit yang diproses menghasilkan empat tan sisa kumbahan. Di Malaysia, setiap tahun, 20 juta tan minyak akan diproses dan mengeluarkan 80 juta tan sisa kumbahan menyebabkan alam sekitar terjejas jika tidak dikawal dengan baik.

Menurut Prof. Dr. Mohd Sobri, kerjasama erat bersama Sime Darby memudahkan urusan penyelidikan kerana mereka menyediakan dana, menyumbang tenaga dan penggunaan makmal. Dengan berkongsi sumber dan bahan penyelidikan, durasi penyelidikan dapat dijimatkan dan pencapaian ditingkatkan. Sime Darby telah membina sebuah loji untuk merawat sisa kumbahan kelapa sawit di kilang kelapa sawit milik Bestari Jaya.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi YSD, Tan Sri Dato' Seri Dr .Wan Mohd Zahid Noordin berkata, untuk projek penyelidikan itu, Prof. Dr .Mohd Sobri dibantu oleh fello pasca doktor, dua jurutera dari *Sime Darby Plantation Research*, enam pelajar PhD, dua pelajar sarjana dan beberapa pelajar sarjana muda. Mereka sedang giat mengkaji penggunaan alga untuk merawat sisa kumbahan dari kilang minyak kelapa sawit atau lebih dikenali sebagai *palm oil mill effluent* (POME) dengan pemecilan karbon dioksida. Jika kajian tersebut berjaya, ia mampu mengubah industri kelapa sawit mengendalikan efluen dengan lebih cekap dan mampan.

UKM Perlu Bersedia Menghadapi **Cabaran Perdana**

Dalam menghadapi cabaran perdana, warga UKM disarankan untuk membuat persediaan dan tindakan strategik bagi memastikan UKM sentiasa cemerlang dan menjadi sebutan dalam pelbagai konteks.

Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali berhasrat untuk UKM menujuri cabaran perdana menerusi konteks pencapaian berterusan. Warga UKM harus bersedia dengan perbezaan yang





berlaku di persekitaran, terutamanya aspek teknologi. Antara cabaran lain dihadapi adalah persaingan di antara universiti awam dan swasta yang meningkat di samping permintaan pihak industri terhadap graduan dan penyelidikan yang berkualiti.

Menurut Prof. Dato' Seri Dr. Noor Azlan lagi, cabaran dihadapi hari ini menyebabkan UKM bersedia membuat perubahan yang mencabar kelaziman. Beliau menambah perubahan mencabar kelaziman daripada pelbagai aspek iaitu kesarjanaan dan penyelidikan perlu dilakukan menerusi kerjasama dengan beberapa industri awam.

UKM telah menjalin kerjasama dengan industri seperti Sime Darby yang menjalankan penyelidikan *Palm Oil Mill Effluent (POME) Treatment*. Dalam aspek kesarjanaan pula, UKM antara universiti yang mempunyai bilangan profesor teramai iaitu lebih 200 orang. Beliau menyarankan agar warga UKM

sentiasa bersedia tampil bersuara semasa memberi pandangan secara intelektual sebagai persediaan untuk perubahan lebih mencabar.



Aktiviti Kokurikulum Jadi Nilai Tambah **Graduan Peroleh Pekerjaan**

Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan program universiti dapat membentuk dan menyediakan pelajar menjadi graduan yang memenuhi tuntutan pasaran kerja masa kini. Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Seri Ismail Abd Mutualib, aktiviti kokurikulum dan program anjuran universiti adalah pelengkap kepada kitaran pendidikan melibatkan domain intelektual serta menjadi saluran pembinaan jasmani, emosi dan rohani pelajar.



Beliau menyarankan agar pelajar tidak terlalu bergantung kepada universiti dan sebaliknya cuba untuk memahami sendiri tentang keperluan dan kehidupan sebenar sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Dato' Sri Ismail turut mengucapkan tahniah kepada pihak UKM kerana telah menjayakan program Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan UKM 2017 yang menjadi platform terbaik untuk pelajar UKM meneroka peluang pekerjaan dengan industri yang berkaitan.



Sebanyak 60 agensi kerajaan dan industri luar terlibat dengan Ekspo Kerjaya dan keusahawanan. Selain itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof .Dato' Dr. Imran Ho Abdullah, Timbalan Naib Canselor penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr .Mohd Ekhwan Toriman dan Pengarah Pusat Pembangunan Karier (UKM-KARRIER), Prof. Dr. Ishak Yussof turut sama-sama memeriahkan ekspo tersebut.

Universiti Perlu Cari Sumber Pendapatan Sendiri

Kegawatan ekonomi yang semakin mencabar menyebabkan universiti sukar mendapatkan dana yang diperlukan. Pihak universiti perlu memikirkan inisiatif sendiri untuk

mencari sumber pendapatan. Prof. Chang Ching-Ray, Timbalan Pengarah Eksekutif Hal Ehwal Pentadbiran, National Taiwan University (NTU) menerangkan di dalam syarahananya yang bertajuk *Building Strong Industry-Academia Collaborations For Greater Funding and Less Tuition Fee Dependent*, NTU merupakan universiti terulung di Taiwan yang mempunyai dana endowmen sendiri dan diberi kuasa untuk mengurus serta mengendalikan urusan pentadbiran sendiri. Beliau turut berkongsi langkah yang digunakan oleh NTU untuk meningkatkan sumber pendapatan iaitu dengan meningkatkan pelaburan dalam perniagaan yang membawa keuntungan.

Menurut Prof Dato' Dr. Imran Ho Abdullah, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat menyatakan bahawa perubahan landskap pendidikan yang bersifat globalisasi yang berlaku kini telah menyebabkan pelajar mempunyai permintaan yang tinggi terhadap pendidikan. Oleh yang demikian, pihak universiti perlu menjadi lebih proaktif, kreatif dan sentiasa fokus dalam menghadapi cabaran yang akan datang. Pada masa yang sama, UKM juga harus mengambil contoh universiti yang baik pengurusan kewangannya sebagai teladan bagi melancarkan lagi pentadbiran dan pembelajaran serta pengajaran.

Wasiyyah Shoppe Berhad Beri Dana Penyelidikan Kepada UKM

UKM melalui Fakulti Pengajian Islam (FPI) mengukuhkan kerjasama dengan Wasiyyah Shoppe Berhad melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) bagi menjalankan dan memberi dana untuk Kajian Hibah Bersyarat dan Hibah Harta Bercagar.

Pengarah Eksekutif Wasiyyah Shoppe Berhad, Ariffin Sabirin berkata antara kandungan MoU ialah memberi geran penyelidikan kepada Jabatan Syariah FPI dan



WASIYYAH SHOPPE

menaja biasiswa kepada pelajar FPI. Wasiyyah Shoppe Berhad telah menjalin kerjasama dengan UKM sejak tahun 2005 melalui Jabatan Syariah, FPI.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah, tahun lalu, sebanyak 326 sesi perkongsian bersama pihak industri dan agensi telah dilaksanakan di UKM. Kerjasama ini selaras dengan hasrat pihak Kementerian Pengajian Tinggi iaitu untuk membentuk semula pendidikan. Beliau menyeru kepada pakar dalam pengajian Islam menjadikan bidang pengajian Islam sebagai nadi penggerak yang merentas bidang ilmu yang lain.



Pelajar Perlu Memahami Tujuan **Menuntut** **Ilmu** di **Universiti**



Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Wira Wan Mohd Nor Ibrahim berpesan kepada mahasiswa supaya memahami tujuan menuntut ilmu di universiti supaya lebih bersemangat dalam pembelajaran dan menghargai



ilmu tersebut pada masa akan datang. Mahasiswa perlu mengetahui tujuan mereka belajar bukan kerana ilmu sebaliknya menajamkan fikiran mereka untuk kegunaan masa hadapan. Beliau menegaskan supaya pelajar berfikir dengan mendalam kerana pemikiran yang tajam dapat menjadikan pelajar lebih berdikari.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal berkata UKM menganjurkan banyak program yang melibatkan para alumni dalam menghubungkan para alumni dan mahasiswa UKM. Program Bicara Alumni yang diadakan itu dapat merapatkan interaksi para alumni dan mahasiswa UKM supaya mereka dapat menjadi idola sekaligus menjadi jejak langkah kepada para pelajar dan cemerlang dalam kerjaya pada masa akan datang. UKM sentiasa mengalu-alukan kehadiran para alumni untuk berbakti kepada UKM.

Pelaburan Asing Tidak Menggugat **Keutuhan Kedaulatan Negara**

persadaCANSELORI





Pelaburan asing merupakan salah satu cara yang efektif untuk menjana serta meningkatkan ekonomi negara. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) merupakan agensi yang mengendalikan promosi dan penyelarasaran pembangunan perindustrian. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif III, Dato' Wan Hasim Wan Jusoh, Perancangan Strategik dan Pelaburan Ekosistem, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), tidak kira mana-mana pelaburan asing tidak terkecuali dari negara China adalah penting untuk menjana ekonomi negara. Beliau turut menegaskan bahawa Malaysia bukan sahaja ingin berdagang serta menarik pelaburan China sahaja, tetapi juga melibatkan perdagangan dari negara lain rentetan isu ketidakpastian mengenai perlantikan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat.

Dalam Bicara Persada yang bertajuk "Pelaburan China di Malaysia: Antara Pemacuan Ekonomi dengan Keutuhan Kedaulatan", Dato' Wan Hasim mempersoalkan kenapa kita perlu menghabiskan tenaga dan masa dalam membicarakan tentang persepsi yang mengatakan bahawa pelaburan ini boleh menggugat kedaulatan negara sedangkan

pelaburan tersebut membawa keuntungan kepada ekonomi negara. Sebagai negara yang sedang membangun, rakyat tempatan perlu melihat isu pelaburan dan hubungan perdagangan dua hala dengan China secara objektif dan mengelak daripada menimbulkan spekulasi dan isu sensasi.

Datuk Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah Iskandar Regional Development Authority (IRDA) dalam majlis tersebut menyatakan bahawa Malaysia telah menerima pelaburan berjumlah RM21 bilion dari China diikuti Amerika Syarikat, Singapura, Jepun dan negara-negara Eropah lain. Angka-angka pelaburan tersebut menunjukkan satu pelaburan komited dari tahun ke tahun dengan jangkaan yang berjumlah RM100 bilion seterusnya membuka peluang pekerjaan tempatan yang berjumlah 200 ribu pekerja tempatan.

Tuntasnya, persepsi yang mengatakan bahawa reputasi rakyat tempatan akan tergugat dengan pembangunan yang berlaku dengan kedatangan orang asing sebenarnya adalah sesuatu yang diwar-warkan dan kita perlu yakin dengan undang-undang yang sedia ada dan perlaksanaannya yang jitu.



UKM Tubuh **Anjung Santai UKM4BANGI**

Galak Pembudayaan Ilmu

UKM melalui Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) menubuhkan Anjung Santai UKM4BANGI di Pasaraya KipMall bagi menggalakkan pembudayaan ilmu secara santai di pusat membeli-belah.

Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah berkata projek tersebut diwujudkan untuk memberi manfaat kepada penduduk setempat dalam menggalakkan budaya membaca di pusat membeli-belah di sekitar Bangi. Di samping menyediakan ruang bacaan santai untuk pengunjung pusat membeli-belah, objektif projek itu adalah menggalakkan budaya

cintakan ilmu melalui pembacaan dan lain-lain medium pengajaran. Selain itu, projek itu juga diharapkan dapat mendekatkan UKM dengan masyarakat setempat melalui sumbangan pelbagai kepakaran di UKM selain kerjasama berterusan dan dapat diperluaskan dalam pelbagai bidang yang akan memberi

manfaat kepada masyarakat. Aktiviti itu adalah perkongsian pintar antara UKM melalui UCTC dan Perpustakaan Tun Seri Lanang dengan KipMall, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan penerbit-penerbit buku.



Golongan Wanita Disaran Untuk Berani Membuat Perubahan

Golongan wanita sering dipandang lemah dan diperlekehkan, oleh yang demikian, bersempena Hari Wanita Antarabangsa 2017, bertemakan *Be Bold To Change* satu Syarahan Tun Fatimah sejarah dengan tema yang disuarakan bertajuk *Women, Leadership And Sustainability: Increase Role Of The Feminine* telah diadakan. Syarahan itu telah disampaikan oleh Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir, Pengarah KPJ Healthcare Berhad. Syarahan tersebut menyatakan untuk membuat perubahan demi kemajuan sendiri, wanita mesti sentiasa bersiap sedia dan berani untuk lantang bersuara sebagai contohnya melontarkan idea yang kritis. Wanita masa kini perlu optimis, berfikiran terbuka dan

boleh menerima teguran untuk memperbaiki diri mereka sendiri.

Dalam syarahan itu turut menggesa masyarakat kini perlu meningkatkan penghasilan wanita yang berdaya maju dan bersaing. Walaupun bagaimanapun, apa yang penting ialah keseimbangan dalam peranan antara lelaki dan perempuan (*balance work life*) dan peranan kedua-dua gender ini perlu dikaji kembali. Peranan tersebut termasuklah jika persekitaran masyarakat kita adalah pasangan suami isteri yg berkerja, maka tidak adil bagi wanita sahaja ditugaskan untuk memasak dan sebagainya sementara suami tidak membuat apa-apa. Tan Sri Siti Sa'diah turut menyarankan pasangan suami isteri perlu mendidik anak-anak mereka tanpa mengira jantina dan mendedahkan mereka tentang peranan masing-masing mereka lebih peka terhadap tanggungjawab yang perlu digalas kelak.

Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir juga menasihatkan golongan wanita untuk menyahut segala cabaran kerana setiap cabaran merupakan peluang keemasan untuk memajukan diri ke hadapan.



UKM@MEDIA

PEMBEDAHAN REKONSTRUKSI RAHANG GUNA TEKNOLOGI NAS

Berjaya buang ketumbuhan, deformasi

• Penggunaan teknik Jerman catat sejarah PPUKM laksana prosedur terkin

Oleh Nursil Aniqah Sazale
blnews@b.com.my

Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) mencatat sejarah apabila berjaya melaksanakan pembedahan pertama rekstrukturasi rahang menggunakan teknologi navigasi (NAS) yang membuang ketumbuhan dan deformasi pada struktur muka dari rahang pesakit.

Pembedahan pertama ini merupakan kali pertama berjaya menyelenggarakan pada pasien kanker ke tumbuhan di rahang. Ketiga-tiga prosedur dilaksanakan pada 2015.

Mengutip maklumat kejadian prosedur itu pada sidang media di sini semalam, Pakar Perunding OMFs, Profesor Madya Dr Mohd Nazimi Abd Jabar, berkata ia dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Bedah Muhibah dan Makrofisiologi (OMFs) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Fakulti Pengajian dan Kehidupan Sosial (FPK).

"Untuk itu, teknik ini perlu memastikan kirira pembentukan tulang rahang tepat mengikut petak suatu suspek tidak timbul sebarang ketumbuhan atau bahan yang menghalangkannya.

"Selain itu, teknik ini juga menjamin masa pembedahan sehingga tujuh jam, sekali lagi suspek mengalami rasa sakit pada prosedur.

Malah teknik itu berjaya membantu pasien yang sakit mengalami rasa sakit pada prosedur.

Profesor Peng Xin pula berkata, beliau berbesar hati mengetui pembedahan ketiga-tiga kes itu serba bergeseran dengan OMFs dalam menjayakan keseluruhan prosedur itu hingga berjaya mencapai pemuliharaan yang sangat memuaskan.

Katanya, dengan adanya teknologi ini, ia mampu memenuhi permintaan aestetik dan pemuliharaan fungsi-upaya ke tahap optimum dalam kalangan pesakit.

NAS pilihan terbaik

Dr Mohd Nazimi berkata, NAS adalah pilihan terbaik untuk pembedahan yang membolehkan pelakunya merawat stutur rahang tujuh keadaan yang memerlukan kecakapan pada muaka.

Pembedahan itu menggunakan teknik teknologi maklumat dan komputerisasi (teknologi maklumat dan komputer), fiksif (pemindaiansatu fiksif), fiksif dan maklumatik (fiksif).

Katanya, ia memudahkan perancangan yang kompleks dan rapi dengan menggunakan analisis kerana pengangguran analisis kerana ketumbuhan atas deformasi rahang, teknologi cetakan tiga dimensi serta penggabungan data dan imej.

"Apabila data dan imej pesakit diambil dan dipindahkan ke sistem komputer navigasi, ia membolehkan doktor membuat perancangan pembedahan sebelum dipindahkan secara tepat kepada pesakit sekurang sekurangnya sebanyak

sewaktu pembentukan.

"Walau pun tulang kakitangan diambil, pesakit tidak akan menghadapi masalah untuk berjalan, kerana ketiadaan tulang itu tidak akan membuat sesorang itu tempat, malah sebaliknya, ia perlu memberi ruang bagi tumbuhan yang menganggu masa yang lalu.

"Untuk itu, teknik ini perlu memastikan kirira pembentukan tulang rahang tepat mengikut petak suatu suspek tidak timbul sebarang ketumbuhan atau bahan yang menghalangkannya.

"Selain itu, teknik ini juga menjamin masa pembedahan sehingga tujuh jam, sekali lagi suspek mengalami rasa sakit pada prosedur.

Profesor Peng Xin pula berkata, beliau berbesar hati mengetui pembedahan ketiga-tiga kes itu serba bergeseran dengan OMFs dalam menjayakan keseluruhan prosedur itu hingga berjaya mencapai pemuliharaan yang sangat memuaskan.

Katanya, dengan adanya teknologi ini, ia mampu memenuhi permintaan aestetik dan pemuliharaan fungsi-upaya ke tahap optimum dalam kalangan pesakit.

Pesakit berpuas hati

Sementara itu, pesakit, Coraline Wong, 28, berkata dia sanggup berjalan dengan kaki tanpa sedikit pun ketumbuhan pada kakinya selepas dijalani bantuan membuat ketumbuhan di rahangnya pada 2015.

"Pada mulanya saya sangat takut untuk membuat rahang kerana tidak boleh keluar air dan buang air besar lagi mengacau bahawa ia akan digantik dengan tulang kakak."

"Selepas pembedahan itu, saya mengambil masa dua hingga tiga bulan untuk pulih dan kini saya boleh berjalan semula. Sekarang, jika saya berjaya dengan kawan-kawan mereka tidak perasan yang saya pernah melakukan pembedahan NAS," katanya.

PEMBEDAHAN PERTAMA REKONSTRUKSI RAHANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI NAVIGASI (NAS) DI PPUKM

• Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) mencatat sejarah menjalankan pembedahan rekstrukturasi rahang menggunakan teknologi navigasi (NAS) yang membuang ketumbuhan dan deformasi pada struktur muka dari rahang pesakit.

"Sewaktu pembentukan, rahang diambil dan dipindahkan ke sistem komputer navigasi, ia membolehkan doktor membuat perancangan pembedahan sebelum dipindahkan secara tepat kepada pesakit sekurang sekurangnya sebanyak

sewaktu pembentukan.

"Walau pun tulang kakitangan diambil, pesakit tidak akan menghadapi masalah untuk berjalan, kerana ketiadaan tulang itu tidak akan membuat sesorang itu tempat, malah sebaliknya, ia perlu memberi ruang bagi tumbuhan yang menganggu masa yang lalu.

"Untuk itu, teknik ini perlu memastikan kirira pembentukan tulang rahang tepat mengikut petak suatu suspek tidak timbul sebarang ketumbuhan atau bahan yang menghalangkannya.

"Selain itu, teknik ini juga menjamin masa pembedahan sehingga tujuh jam, sekali lagi suspek mengalami rasa sakit pada prosedur.

Profesor Peng Xin pula berkata, beliau berbesar hati mengetui pembedahan ketiga-tiga kes itu serba bergeseran dengan OMFs dalam menjayakan keseluruhan prosedur itu hingga berjaya mencapai pemuliharaan yang sangat memuaskan.

Katanya, dengan adanya teknologi ini, ia mampu memenuhi permintaan aestetik dan pemuliharaan fungsi-upaya ke tahap optimum dalam kalangan pesakit.

Katanya, dengan adanya teknologi ini, ia mampu memenuhi permintaan aestetik dan pemuliharaan fungsi-upaya ke tahap optimum dalam kalangan pesakit.

GAMBAR 1 DAN 2

Rahang yang dibuang kerana ada ketumbuhan dan masalah kanser.

GAMBAR 3

Tulang fibula yang diambil pada bahagian kakak untuk membentuk tulang rahang yang baharu.

[Sumber: Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)]



[Foto: SAIFULLEZAN TAMADU/BH]



Zaleha, Dr Mohd Nazimi dan Pengaroh Pusat Kemahiran Pembedahan Lanjutan PPUKM, Prof Madya Datuk Dr Hanofiah Harunorashid menunjukkan penggunaan NAS pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

UKM GENAP 47

RADZUAN GHAZALI

HARI ini genap usia Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 47 tahun sejak mula ditubuhkan pada 18 Mei 1970. Tarikh tersebut yang tidak luput dalam ingatan warga kampus UKM dan mereka yang pernah berjasa kepada universiti itu.

Mengimbangi kembali waktu datangnya hari ini, kita buah fakulti



UKM telah mendapat status universiti penyelidikan pada 2006 berdasarkan kecermerlangan dalam kajian saintis selama lebih empat dekad. - GAMBAR: HUSSAINI

subur dan segar kesedaran publik dan sejarah penubuhan UKM sebagai sebuah universiti

Justeru mengingat tadi, universiti ini merupakan institusi masyarakat, seluruh warganya wajib berusaha untuk menyumbang warga kerja perpaduan yang membangun dan memahami keperluan menerusi perspektif bersama yang gagal dalam kehidupan bersama selaras dengan peranan UKM.

UKM yang diteraju oleh Canselornya ke-10 iaitu Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azlan bin Sentiasa bersiar-siar sedang dalam majlis universiti ini untuk maju di peringkat kebangsaan.

Memetik ucapan beliau

lis Konvokeyeri UKM ke-10 tahun lalu, Noor Azlan bin Sentiasa mengatakan bahawa UKM mencapai usia 50 tahun pada tiga tahun lalu, dan ia merupakan tiraifan UKM di tangga 25 QS World University (top 50) amat membantah UKM turut tersenarai antara universiti teratas di Malaysia.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

Bidang-bidang tersebut adalah Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Kompeten, Berdaya Saing dan Inovatif; Penyelidikan dan Inovatif Berimpak Tinggi; Perkongsian dan Pengembangan Sumber Manusia dan Institusi Cemerlang; Penjanjangan Kekayaan Secara Optimum dan Strategik; serta Prasarana dan Persekutuan Ilmu yang Kondusif.

UKM memberi tumpuan kepada enam bidang keberhasilan utama yang dijangka terus

berjaya pada tahun depan.

Selain itu, pernah mendapat Anugerah Kuningan Perdana Menteri (2006), memperoleh status Swasta-Akreditasi pada 2010 dan status Universiti Autonomi pada Januari 2012.

Kim UKM memberi tumpuan kepada enam bidang keberhasilan utama yang dijangka terus

berjaya pada tahun depan.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

melanjutkannya ke arah lebih baik.

UKM turut memastikan roh perjuangan para pelopornya terus

TN50 tumpu usaha wujud masyarakat budaya tinggi

Bang: Sebelas resolusi Kongres Budaya 2017 yang memfokuskan kepada pembentukan masyarakat berbudaya tinggi akan diumtakan dalam dasar Transformasi Nasional 2050 (TN50), kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, komponen resolusi yang dibincangkan dalam kongres itu mesti diterapkan dalam TN50, sebagai usaha mewujudkan sebuah negara dengan penduduknya berpegang teguh kepada nilai budaya tinggi.

Masyarakat Malaysia moden

"Saya dan kerajaan akan ambil serius resolusi ini dan ia mesti diterapkan dalam TN50. Saya impiaskan masyarakat Malaysia yang moden," katanya memberi contoh Jepun sebagai negara terbaik yang memiliki pembudayaan tinggi masyarakat.

Beliau berkata demikian berupacara merasmikan Kongres Budaya 2017 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Antara 11 resolusi yang diluluskan pada kongres itu ialah mem-

pertahankan Perlembagaan Persekutuan dan kedudukan Majlis Raja-Raja, menyemarak bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Islam sebagai agama rasmi, Rukun Negara sebagai tiang seri negara bangsa serta capaian ekonomi Bumi-putera.

Najib berkata, pembentukan masyarakat berbudaya tinggi adalah satu daripada komponen penting yang perlu dijadikan dalam TN50, seiring kemajuan ekonomi, teknologi dan infrastruktur.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri turut menjelaskan pengaruh media sosial menggalakkan pengaruh budaya luar yang jauh acuannya berbanding budaya tempatan.

"Apatah lagi dengan penggunaan bahasa rojak yang sedikit sebanyak menghaksik keutuhan bahasa Melayu termasuk bahasa SMS (khidmat pesanan ringkas).

"Kita juga harus martabat bahasa Melayu tetapi kita tidak halang penggunaan bahasa kedua. Kita mahu semua rakyat tanpa mengira kaum mesti boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan dengan baik," katanya.



Berstatus **Universiti Penyelidikan**
Menawarkan Pelbagai Bidang Pengajian
Peringkat **Sarjana** dan **Doktor Falsafah**.

26 QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS
TOP 50 UNDER 50 2016

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan

Permohonan Program Pengajian Pascasiswazah
secara dalam talian <http://guest.ukm.my/>

Kerja Kursus / Mod Campuran

- Dibuka 2 kali setahun
- Oktober - November (kemasukan Februari)
- April - Mei (kemasukan September)

Mod Penyelidikan

- Dibuka sepanjang tahun

www.ukm.my

• 03 8911 8389 / 8468

• 03 8911 8470

• postgraduate.ppa@ukm.edu.my

• www.facebook.com/UKMPostgraduate

Pusat Komunikasi Korporat

Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
• +603 8921 5540/3370/4142 • +603 8921 4097

- pkk@ukm.edu.my
• [UKMOfficial](https://www.facebook.com/UKMOfficial)
• [ukm_my](https://twitter.com/ukm_my)
• [ukminsta](https://www.instagram.com/ukminsta)
• [ukmtubes](https://www.youtube.com/ukmtubes)

PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT • UKM

ISSN 0127-1741



9 770127 174007

